

**TAHAP PENGGUNAAN SUMBER MAKLUMAT ELEKTRONIK DI  
KALANGAN PELAJAR FAKULTI KEJURUTERAAN KUITTHO**

**NORKIAH BINTI SULAIMAN**

**Kajian Kes Ini Dikemukakan  
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada  
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)**

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**SEPTEMBER 2001**

## PENGHARGAAN

Syukur ke Hadrat Illahi kerana dengan izinnya akhirnya saya berjaya menghasilkan laporan penyelidikan ini dengan bantuan pelbagai pihak. Dengan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap pihak yang telah membantu.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pensyarah pembimbing, iaitu Encik Mammad Amer Ghadzali, telah banyak membantu saya untuk menyelesaikan projek penyelidikan ini. Di samping itu, penghargaan juga diberikan kepada semua rakan-rakan yang telah banyak membantu saya untuk menyiapkan penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada semua ahli keluarga yang telah memberikan sokongan kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini.

Semoga apa yang dilakukan ini akan dapat memuaskan hati semua pihak.  
Insyallah.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

## ABSTRAK

Penyelidikan ini dilakukan bagi mengetahui tahap penggunaan sumber maklumat elektronik yang disediakan di Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Kolej Universiti ini. Tinjauan difokuskan kepada para pelajar semester kelima Fakulti Kejuruteraan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. Kaedah yang digunakan adalah dengan menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada 150 orang pelajar di dalam setiap jabatan yang terlibat dibawah Fakulti berkenaan. Hasil dari analisa jawapan yang diberikan oleh responden mendapati bahawa kebanyakan pelajar tidak gemar menggunakan sumber maklumat elektronik berkenaan. Sebanyak 68% dari responden menyatakan bahawa mereka tidak gemar menggunakan perkhidmatan sumber maklumat elektronik di perpustakaan. Masalah yang paling popular adalah maklumat yang dikehendaki hanya sedikit. Sebanyak 46% responden pula menyatakan halangan yang selalu mereka hadapi dalam menggunakan sumber berkenaan adalah tiada peruntukan masa yang mencukupi. Tujuan utama mereka menggunakan sumber berkenaan adalah untuk keperluan pembelajaran. Sebanyak 38% responden menyatakan bahawa dengan menggunakan sumber berkenaan maklumat adalah lebih cepat diperolehi. Namun begitu sebanyak 72% responden menyatakan bahawa mereka hanya mendapat kurang daripada 50% maklumat yang diperlukan setiap kali membuat pencarian maklumat. Kebanyakan responden berpendapat bahawa perkhidmatan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO berada dalam tahap memuaskan dan mereka berpendapat pihak perpustakaan perlu menambah bilangan komputer atau terminal yang menyediakan perkhidmatan berkenaan.

## ABSTRACT

This research was conducted to evaluate about electronic resources uses level among student of Faculty of Engineering in Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (KUiTTHO). There are 150 samples are involves with this research. Questionnaires are distributes to ask them about problems, barriers and their opinion on electronic resources devices that provided by the College University Library. About 68% of the respondent said that they are not interested to use the electronic sources. The top problem why they think like that because they only retrieve only a few of information needed by using the sources. 46% of the respondent said that they don't have enough time to search the information by using the devices. Main objective why they use the electronic sources is for the study purpose. 38% of the respondent said by using the electronic sources they can search the information faster. 72% of the respondent said that they only get below then 50% of information needed when using the electronic information sources. Almost of the respondent said that the library should provide more terminal computer to allowed them use the electronic information sources.

## KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iii
	ABSTRAK	iv
	ABSTRACT	v
	JUDUL KANDUNGAN	vi
	SENARAI JADUAL	viii
	SENARAI RAJAH	ix
	SENARAI LAMPIRAN	x

### BAHAGIAN SATU

1	Pengenalan	1
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latarbelakang masalah	1
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Objektif kajian	4
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Definisi Istilah	5
	1.6 Kepentingan Kajian	6

1.7	Skop dan batasan	7
1.8	Kerangka teori	8

## BAHAGIAN DUA

<b>2</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	<b>10</b>
2.0	Pengenalan	10
2.1	Penggunaan Sumber Maklumat Elektronik	10
2.2	Sikap pelajar terhadap sumber maklumat elektronik	11
2.3	Tujuan Penggunaan Sumber Maklumat Elektronik	13
2.4	Sumber Maklumat Elektronik di Perpustakaan	13
2.5	Penggunaan Sumber Maklumat Elektronik Di Perpustakaan di Malaysia	16
2.6	Kesimpulan	17

## BAHAGIAN TIGA

<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	18
3.2	Kaedah kajian	18
3.3	Rekabentuk kajian	18
3.4	Populasi	19
3.5	Sampel	19
3.6	Instrumen	19
3.7	Kaedah Analisis Data	20
3.8	Andaian	21

**BAHAGIAN EMPAT**

<b>4.</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>22</b>
	4.0 Pengenalan	22
	4.1 Persoalan 1	22
	4.2 Persoalan 2	27
	4.3 Persoalan 3	31
	4.4 Persoalan 4	35
	4.5 Persoalan 5	39

**BAHAGIAN LIMA**

<b>5.</b>	<b>RUMUSAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
	5.0 Pengenalan	44
	5.1 Rumusan	44
	5.2 Cadangan	48
	5.3 Kesimpulan	50
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>52</b>
	<b>LAMPIRAN A</b>	<b>54</b>
	<b>LAMPIRAN B</b>	

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.	Tahap Penggunaan Perpustakaan KUiTTHO di Kalangan Responden	23
2.	Bilangan responden yang gemar menggunakan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO.	24
3.	Kekerapan responden menggunakan perkhidmatan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO.	26
4.	Masalah ketika menggunakan perkhidmatan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO.	28
5.	Halangan semasa menggunakan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO	30
6.	Tujuan responden menggunakan perkhidmatan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO.	32
7.	Mengapa responden memilih untuk menggunakan perkhidmatan pencarian maklumat elektronik.	34
8.	Peratus dapatan maklumat responden	36
9.	Keperluan dapatan maklumat responden	38



10. Pendapat responden tentang perkhidmatan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO. 40
11. Pendapat responden tentang maklumat dari sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO. 42
12. Pendapat responden terhadap peranan Perpustakaan KUiTTHO dalam meningkatkan Perkhidmatan sumber maklumat elektronik. 43



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.	Kerangka Teori	8
2.	Tahap Penggunaan Perpustakaan KUiTTHO di Kalangan Responden	23
3.	Bilangan responden yang gemar menggunakan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO.	24
4.	Kekerapan responden menggunakan perkhidmatan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO.	26
5.	Masalah ketika menggunakan perkhidmatan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO.	28
6.	Halangan semasa menggunakan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO	30
7.	Tujuan responden menggunakan perkhidmatan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO.	32
8.	Mengapa responden memilih untuk menggunakan	

	perkhidmatan pencarian maklumat elektronik.	34
9.	Peratus dapatan maklumat responden	36
10.	Keperluan dapatan maklumat responden	38
11.	Pendapat responden tentang perkhidmatan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO.	40
12.	Pendapat responden tentang maklumat dari sumber maklumat elektronik di Perpustakaan KUiTTHO.	42
13.	Pendapat responden terhadap peranan Perpustakaan KUiTTHO dalam meningkatkan perkhidmatan sumber maklumat elektronik.	43



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
A	Borang Soal selidik	54
B	Surat Kebenaran	57



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

# BAB 1



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Perkembangan pesat dalam teknologi pada masa kini telah berjaya mempengaruhi perkembangan teknologi maklumat di dalam pelbagai bidang termasuklah di dalam bidang pendidikan. Perkembangan teknologi ini juga telah mempengaruhi kaedah pelajar dalam membuat pencarian maklumat bagi menyelesaikan tugas mereka. Sehubungan dengan itu, peranan perpustakaan di dalam menyediakan sumber maklumat yang bersifat terkini dan di dalam bentuk yang terkini dan canggih berupaya mempengaruhi kaedah pencarian maklumat di kalangan pelajar.

#### **1.1 Latar belakang Masalah**

Kewujudan Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) adalah untuk menjadi komponen utama dalam menyokong proses pembelajaran di kolej universiti ini. Secara umumnya, koleksi di perpustakaan ini merangkumi skop bidang kejuruteraan awam, mekanikal, elektrik dan pendidikan. Banyak bahan dapat digunakan oleh pelajar di dalam bidang kejuruteraan, khususnya, untuk mendapatkan maklumat bagi memudahkan proses pembelajaran mereka. Pihak perpustakaan juga turut menyediakan kemudahan pengaksesan maklumat secara elektronik di dalam bidang kejuruteraan khasnya kepada para pelajar kolej universiti ini.

Menurut sumber yang diperolehi daripada Perpustakaan KUiTTTHO, pada masa kini antara koleksi yang terdapat di perpustakaan adalah terdiri daripada buku, majalah, tesis, CD-ROM multimedia, pita video, kaset, disket, mikrofilem, peta dan lain-lain lagi. Sehingga akhir tahun 2000, perpustakaan ini telah memiliki 30,953 judul buku, 253 judul majalah popular dan jurnal akademik serta 1273 unit bahan pandang dengar / AVA yang meliputi CD-ROM Multimedia, CD-ROM Full Text, disket, kaset, pita video dan mikrofilem. Menurut sumber itu lagi, nisbah atau ratio pengguna dan buku mengikut piawai yang dikeluarkan oleh Library Of Congress adalah 1:20 tetapi ratio yang sedia ada pada tahun 2000 adalah hanya 1:8. Pada tahun 2001 adalah dijangkakan ratio pengguna dan buku akan mencapai pada tahap 1:10. Sementara bagi bahan berbentuk jurnal pula, ratio mata pelajaran teras atau 'core subject' dan judul jurnal adalah 1:2 (1 'core subject' : 2 jurnal). Berdasarkan kepada jumlah ratio ini dapatlah dikatakan bahawa keadaan yang wujud di perpustakaan kolej universiti ini adalah secara keseluruhannya jumlah koleksi yang terdapat di perpustakaan ini tidak cukup untuk menampung sepenuhnya kegunaan keseluruhan jumlah pelajar di KUiTTTHO pada masa kini.

Selaras dengan keadaan jumlah koleksi yang tidak mencukupi ini, perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn telah menambah kaedah bagi pelajar untuk membuat pencarian maklumat dengan cara mengadakan perkhidmatan pencarian maklumat elektronik secara dalam talian melalui penggunaan pangkalan data atas talian yang terdiri daripada dua perkhidmatan utama iaitu:

i. Ei Engineering Village 2

Sumber maklumat elektronik ini menyediakan maklumat mengenai bidang kejuruteraan yang merangkumi aspek-aspek melibatkan bidang kejuruteraan elektrik, mekanikal dan kejuruteraan awam.

ii. ISMEC: Mechanical Engineering Abstracts.

Sumber maklumat elektronik ini pula lebih memberikan tumpuan kepada bidang kejuruteraan mekanikal secara mendalam.

Pengguna atau pelajar boleh membuat pencarian maklumat dengan hanya memasukkan kata kunci bagi bahan atau maklumat yang diperlukan. Kata kunci tersebut boleh berbentuk subjek, tajuk, pengarang dan sebagainya. Pengguna juga boleh menghadkan pencarian kepada artikel-artikel yang dikeluarkan dalam sesuatu tempoh tertentu contohnya bagi artikel yang dikeluarkan pada tahun 2000 dan sebagainya. Pangkalan data tersebut akan menyenaraikan dapatan maklumat yang diperolehi kepada pengguna. Dapatan maklumat tersebut sekiranya ada, boleh dicetak terus oleh pengguna dengan bayaran sebanyak 30 sen bagi setiap helaian kertas. Jika pelajar tidak berkemampuan untuk berbuat demikian, mereka juga boleh menyimpan fail berkenaan ke dalam disket masing-masing. Cara ini adalah lebih menjimatkan dari segi kos. Kedua-dua pangkalan data atas talian ini dapat diakses menggunakan komputer di aras satu bangunan perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Penggunaan perkhidmatan ini adalah diharapkan akan dapat memberikan sumber maklumat yang berkualiti dan terkini selaras dengan kehendak pelajar-pelajar di kolej universiti ini.

Namun begitu, berdasarkan kepada pengalaman pengkaji sendiri sewaktu menjalankan tugas sebagai pekerja sambilan di perpustakaan KUiTTTHO mendapati bahawa keadaan yang wujud di perpustakaan ini adalah peralatan atau kemudahan sumber maklumat elektronik tersebut sangat kurang digunakan oleh pelajar KUiTTTHO. Kebanyakan pelajar lebih gemar untuk berebut-rebut meminjam buku pada awal semester memandangkan jumlah buku yang tidak banyak untuk dipinjam. Ini telah mewujudkan keadaan yang sungguh berserabut di dalam perpustakaan dengan buku-buku yang tidak tersusun dan berselerak. Jika pelajar-pelajar dapat menggunakan kemudahan sumber maklumat elektronik dengan maksimum maka masalah kekurangan sumber maklumat berbentuk bahan bercetak akan dapat dikurangkan.

Punca menyebabkan pelajar kurang menggunakan sumber maklumat elektronik ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti sikap pelajar sendiri yang kurang kesedaran tentang kaedah dan faedah penggunaan sumber maklumat elektronik. Ini berlaku mungkin disebabkan oleh kurangnya promosi yang diadakan oleh pihak perpustakaan, kurangnya pendedahan oleh pensyarah tentang kaedah-



kaedah untuk mendapatkan maklumat, terlalu banyak aktiviti lain yang terpaksa dilakukan oleh pelajar menyebabkan mereka kurang peruntukan masa untuk membuat pencarian maklumat secara elektronik dan sebagainya. Masalah-masalah seperti ini mungkin menyebabkan pelajar kurang menggunakan sumber maklumat elektronik yang terdapat di Perpustakaan KUiTTHO.

## 1.2 Pernyataan masalah

Oleh kerana masalah yang wujud ini, penyelidik bercadang untuk mengkaji tentang '**Apakah tahap penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan KUiTTHO?**'. Tahap penggunaan sumber maklumat elektronik ini mungkin dipengaruhi oleh beberapa aspek luaran dan dalaman diri pelajar berkenaan. Oleh itu beberapa objektif kajian dibentuk untuk mendapatkan penyelesaian kepada pernyataan masalah ini.

## 1.3 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah:

- 1.3.1 Untuk mengetahui tahap penggunaan sumber pencarian maklumat elektronik di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan KUiTTHO.
- 1.3.2 Untuk mengetahui masalah dan halangan yang dihadapi oleh pelajar Fakulti Kejuruteraan KUiTTHO dalam menggunakan kemudahan sumber maklumat elektronik.
- 1.3.3 Untuk mengenal pasti tujuan pelajar menggunakan sumber elektronik dan mengapa mereka memilih media ini.
- 1.3.4 Untuk mengkaji sejauh mana pencarian maklumat secara elektronik dapat memenuhi kehendak dan keperluan pelajar.
- 1.3.5 Untuk mengetahui pendapat pelajar tentang perkhidmatan sumber pencarian maklumat elektronik yang disediakan di Perpustakaan KUiTTHO.

## 1.4 Persoalan Kajian

Penyelidikan yang dilakukan akan cuba mencari jawapan persoalan-persoalan berikut:

- 1.4.1 Apakah tahap penggunaan sumber pencarian maklumat elektronik yang disediakan di perpustakaan di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan KUiTTHO?
- 1.4.2 Apakah masalah dan halangan yang dihadapi oleh pelajar Fakulti Kejuruteraan KUiTTHO dalam menggunakan kemudahan sumber maklumat elektronik?
- 1.4.3 Apakah tujuan pelajar menggunakan media elektronik dan mengapa memilih media ini?
- 1.4.4 Adakah sumber pencarian maklumat secara elektronik dapat memenuhi kehendak dan keperluan pelajar?
- 1.4.5 Apakah pendapat pelajar tentang perkhidmatan sumber pencarian maklumat elektronik yang disediakan di Perpustakaan KUiTTHO?

## 1.5 Definisi Istilah

### 1.5.1 Tahap penggunaan

Tahap penggunaan yang dimaksudkan di dalam penyelidikan ini ialah kadar pelajar mengakses maklumat elektronik dengan menggunakan sumber maklumat elektronik yang disediakan di perpustakaan KUiTTHO.

### 1.5.2 Sumber maklumat elektronik

Ialah kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan KUiTTHO kepada pelajar untuk mengakses data dan maklumat atas talian dengan menggunakan perkakasan tertentu seperti komputer dan rangkaian

Internet. Tumpuan penyelidikan ini ialah terhadap dua sumber maklumat elektronik di perpustakaan tersebut iaitu Ei Engineering Village 2 dan ISMEC : Mechanical Engineering Abstracts.

## 1.6 Kepentingan kajian

### 1.6.1 Perpustakaan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Dengan adanya kajian ini adalah diharapkan dapat membantu memberi maklumat kepada pihak pengurusan perpustakaan tentang peranan yang boleh dilakukan oleh mereka dalam menggalakkan lagi penggunaan sumber maklumat elektronik yang disediakan oleh perpustakaan ini

### 1.6.2 Pelajar Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Penyelidikan ini diharapkan akan dapat membantu memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar KUiTTHO tentang kewujudan sumber maklumat elektronik yang terdapat di perpustakaan. Mereka juga akan dapat memaksimum dan mempelbagaikan kaedah pencarian sumber-sumber maklumat yang diiginni.

### 1.6.3 Penyelidik

Dapat membantu memberikan pengetahuan kepada penyelidik tentang tahap pelajar membuat pencarian maklumat secara elektronik. Ini adalah kerana ia berkait rapat dengan aspek pengajaran dan pembelajaran pelajar.

### 1.6.4 Bidang pendidikan teknik dan vokasional

Oleh kerana peranan utama yang dimainkan oleh KUiTTHO adalah bagi melahirkan tenaga pengajar dalam bidang teknik dan vokasional

maka adalah diharapkan dengan terdapatnya penyelidikan ini dapat memberikan idea kepada pihak pendidikan teknik dan vokasional bagi memperkembangkan kemudahan yang disediakan kepada pelajar-pelajar mereka.

Secara keseluruhannya, hasil penyelidikan ini nanti diharapkan dapat membantu menambahkan lagi bahan-bahan ilmiah tentang penggunaan teknologi maklumat sebagai sumber pencarian maklumat dalam pendidikan di negara ini.


### 1.7 Skop dan batasan

Penyelidikan ini memfokuskan kepada tahap penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan KUiTTHO sahaja. Sampel yang terlibat juga adalah dikalangan pelajar semester 5 Fakulti Kejuruteraan KUiTTHO yang dianggap mewakili keseluruhan pelajar fakulti berkenaan.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJUNG AMINAH

## 1.8 Kerangka Teori



Rajah 1 Kerangka teori

Rajah 1 menggambarkan kerangka teori bagi kajian ini. Kerangka teori tersebut dibahagikan kepada 2 bahagian yang mempengaruhi tahap penggunaan sumber maklumat elektronik di kalangan pelajar. Dua bahagian tersebut ialah faktor

yang dapat menggalakkan lagi penggunaan dan juga faktor-faktor yang menjadi kekangan atau halangan kepada penggunaan sumber maklumat elektronik berkenaan. Antara faktor yang dapat dikenalpasti berdasarkan kepada sorotan penulisan ialah:

- |                              |   |   |
|------------------------------|---|---|
| Faktor menggalakkan          | - | Mudah akses, jimat masa                   |
| Faktor kekangan dan halangan | - | Kemudahan tidak mencukupi                 |
|                              |   | Tidak mendapat tunjuk ajar dan nasihat    |
|                              |   | Promosi yang kurang                       |
|                              |   | Masa yang tidak mencukupi dan sebagainya. |



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB II



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB 2

### SOROTAN PENULISAN

#### 2.0 Pengenalan

Sumber maklumat elektronik terutamanya komputer sedang berkembang dengan pesatnya pada masa kini. Kemudahan sumber maklumat elektronik akan memudahkan pengguna untuk mengakses maklumat dalam pelbagai bentuk seperti suara, imej, maya dan sebagainya tanpa terhad kepada batasan tertentu. Keadaan ini membolehkan proses pembelajaran di peringkat pengajian tinggi berkembang dengan lebih meluas dan berkesan dengan adanya kemudahan sumber maklumat yang canggih dan terkini.

#### 2.1 Penggunaan Sumber Maklumat Elektronik.

Menurut Kenneth E. Dawlin(1995), penggunaan komputer lebih meluas pada masa tersebut berbanding pada tahun 1994. Menurut beliau lagi pada tahun 1995 terdapat kira-kira 485 juta komputer di dunia dan jumlah ini meningkat sebanyak 20% berbanding tahun 1994. Ini telah dinyatakan oleh beliau di dalam penyelidikannya yang bertajuk 'The Global Village Network: An Evolutionary Concept for The Eradication of Ignorance'. Beliau juga mendapati bahawa internet merupakan salah satu penemuan yang mendatangkan banyak faedah kepada manusia. Melaluinya pengguna boleh mengakses pelbagai maklumat. Keadaan ini merubah fungsi perpustakaan sebagai tempat mendapatkan maklumat. Kini perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan tidak lagi secara tradisional malah boleh



# BIBLIOGRAFI



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BIBLIOGRAFI

- Allison, Brain etc. (1996). *Research skills for students*. London : Kagan Press.
- Ankey, Melvan L. (1996). Evaluating end user services : success or satisfaction? *The Journal of Academic Librarianship*. Vol 16, no. 6. Pp 352 - 356.
- ANSIS 1996 Annual Conference : Contributed paper (1996). Structure and action: Towards a new concept of the information use environment. [online]. Available at [http://www.shef.ac.uk/~is/publication/inferes/paper\\_54.html](http://www.shef.ac.uk/~is/publication/inferes/paper_54.html). 19 Jun 2001.
- Badilah Saad and Chew Wing Foong (1996). *Malaysian libraries in national Development: a country report*. Kuala Lumpur: Congress of the Southeast Asian Librarian (CONSAL) V.
- Dowlin, Kenneth E. (1995). *The global village library*. Digital Libraries Conference. March 27-29. Singapore.
- Ellis, Davis (1993). Modeling the information seeking patterns of academic Researcher: a grounded theory approach. *Library Quarterly*. Vol. 63. No. 4. pp 469-468.
- Galiskova, Irina (1998). Information seeking in context and the development of Information systems. [online]. Available: <http://www.shef.ac.uk/~publications/infres/paper67.html>. 19 Jun 2001.
- Hepworth, Mark (1998). *Investigating methods for understanding user requirements for information product*. Singapore: Division of Information Studies, Nanyang Technology University.
- Kovaos, Diane K. (1999). Electronic publishing in libraries: introduction. *Library Hi-Tech*. Vol 17. n 1. Pp 8-9.

Matinez-Arellono, Filiberto F. (1996). User attitudes and behavior before and after The implementation of an online catalog. *International Information and Library Review*. no 28. pp 275-287.

Mohd. Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mc. Millan, James. (1996). *Educational research: fundamentals for the consumer*. New York: Harper Collins College Publishers.

Osiobe, Stephen A. (1998). Information seeking behavior. *International Library Review*. no 20. pp 337-346.

Pharo, Nil (1998). Solving problem on the world wide web. [online]. Available: [http://www.shef.ac.uk/~publications/infres/paper\\_97.html](http://www.shef.ac.uk/~publications/infres/paper_97.html).

Pickard, Alison Jane (1999). *The impact access to electronic and digital information Sources on learning opportunities for young people: a grounded theory approach*. United Kingdom: Department of information and library management, University of Northumbria, Newcastle.

Ray, Katryn and John Day. (1998). *Student attitude towards electronic information sources*. United Kingdom: Department of Information and Library Management, University of Northumbria, Newcastle.

Reneker, David (1993). *A qualitative study of information seeking among members of an academic community: methodology issues and problems*. *Library Quarterly*. Vol.63. no 4. Pp 487-507.